

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Perdagangan 3755/2 mengandungi enam soalan esei terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan iaitu soalan 1 hingga 5 dan Bahagian B mengandungi satu soalan sahaja. Calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga soalan daripada Bahagian A, dan wajib menjawab soalan Bahagian B yang berbentuk kajian kes. Setiap soalan mengandungi beberapa cerai soalan. Calon diberi masa 2 jam untuk menjawab soalan Bahagian A dan Bahagian B.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah pada tahap sederhana. **Satu fenomena yang membimbangkan ialah bilangan calon yang hadir tetapi tidak menjawab kian bertambah.** Kebanyakan calon dapat menjawab soalan aras kesukaran rendah, iaitu pada aspek pengetahuan dan kefahaman tentang prinsip, konsep dan perkara asas yang berkaitan dengan ilmu perdagangan. Calon masih kurang berkemahiran untuk menjawab soalan pada aras kesukaran sederhana dan tinggi, khasnya dalam aspek kemahiran mengaplikasi, membuat keputusan, menilai dan menganalisis perkaitan.

Pada amnya, calon memahami tugas asas soalan, namun tidak mampu memberi jawapan yang tepat. Calon hanya dapat memberi fakta atau isi tetapi tidak dapat memberi huraian yang lebih jelas. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat menjawab soalan-soalan yang berbentuk membuat keputusan, aplikasi, dan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, iaitu soalan 2c(i)(ii); 3a(i); 3b(i),(ii); 3c; 4b; 5c; 6a,b,c,e. Bagi soalan-soalan yang dinyatakan ini, prestasi calon amat rendah. Markah yang diperolehi calon tidak melepasi separuh daripada markah yang diperuntukan. Bagi soalan yang melibatkan pengiraan, hanya calon yang yakin sahaja cuba menjawab dan prestasinya adalah memuaskan – soalan 2c (ii).

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Calon memahami kehendak soalan serta mempunyai penguasaan konsep asas yang baik. Persembahan jawapan menarik dan tersusun. Calon dapat mengaitkan fakta-fakta perdagangan dengan tugas soalan, memberi fakta dengan huraian yang jelas serta menjawab soalan-soalan yang memerlukan jawapan yang spesifik. Walau bagaimana pun soalan 6 tidak dapat dijawab dengan baik.

Mutu jawapan calon adalah baik iaitu calon dapat memahami dengan jelas dan mengemukakan fakta yang tepat, menyusun fakta dan isi secara sistematik, menggunakan laras bahasa yang mudah difahami, menggunakan masa secara seimbang untuk menjawab empat soalan dan menulis jawapan dengan bersih dan kemas.

Petikan-petikan berikut adalah jawapan calon bagi beberapa soalan dalam kumpulan ini.

Soalan 1(a)

Tiga sumbangan usahawan kepada negara ialah:

- *Mewujudkan peluang pekerjaan: Ini bermaksud bahawa firma yang dibuka oleh seseorang usahawan itu akan membawa kepada keperluan tenaga kerja manusia. Oleh itu, secara tidak langsung masyarakat yang tinggal berdekatan dengan firma tersebut mendapat pekerjaan.*
- *Menggalakkan pertukaran asing: Aktiviti import dan eksport yang dijalankan oleh seseorang usahawan akan membawa kepada pertukaran asing yang dapat menstabilkan nilai matawang sesebuah negara.*

Soalan 1(b)

Pernyataan I merujuk kepada pengkhususan mengikut proses yang diamalkan di kilang berdasarkan pembahagian kerja seperti merekabentuk, menampal dan menjahit.

Pernyataan II merujuk kepada pengkhususan mengikut profesion yang diamalkan berdasarkan kemahiran, kelayakan dan pengetahuan seseorang seperti seorang doktor dan jurutera.

Soalan 1(c)

Alang tidak dapat menukar ayamnya dengan ikan kerana tidak wujud kemahuan serentak dimana Baba mahukan ikan dan Damak mahukan peha ayam sahaja. Barang juga sukar dibahagi kepada unit yang lebih kecil. Selain itu, nilai seekor ayam sukar dibandingkan dengan seekor ikan.

Soalan 1(d)

Pergudangan: ia berfungsi untuk menyimpan barang-barang dengan selamat sebelum dipasarkan. Di dalam gudang,peniaga dapat menjalankan kerja-kerja akhir seperti memecahkan pukal dimana melibatkan proses menggred, menjenama dan lain-lain. Contohnya gudang peruncit dan gudang pemborong.

Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan aras kesukaran rendah, iaitu pada aras pengetahuan dan kefahaman. Bagi ceraihan soalan yang aras kesukarannya sederhana dan tinggi, calon tidak dapat menjawab dengan baik. Calon dalam kumpulan ini juga tidak dapat menjawab soalan yang memerlukan kemahiran membuat keputusan, menganalisis, dan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Calon juga sering mengulangi fakta yang sama.

Mutu jawapan calon adalah sederhana iaitu pemahaman calon terhadap tugas soal-an kurang jelas, mengemukakan fakta dan isi tetapi tidak mencukupi, huraian isi kurang jelas dan berulang-ulang, teknik penyampaian dan susunan bahasa adalah baik tetapi keterangannya kurang jelas, laras bahasa yang digunakan masih betul selari dengan konsep perdagangan dan kebanyakan calon hanya dapat menjawab soal-an 1 dan 5 dengan baik.

Petikan-petikan berikut adalah jawapan calon bagi beberapa soal-an dalam kumpulan ini:

Soalan 2(a)

Tiga fungsi perniagaan runcit dalam saluran agihan ialah:

- memecahkan pukal
- peruncit bertanggungjawab memecahkan pukal kepada kuantiti kecil yang dikehendaki oleh pengguna.

Soalan 2(c)(iii)

Perbezaan di antara diskaun niaga dan diskaun tunai

<i>Diskaun Niaga</i>	<i>Diskaun Tunai</i>
<i>-diberi kepada pemborong yang memesan barang dari pengeluar</i>	<i>-mengalakan pemborong membeli secara banyak</i>
<i>-Mengalakkan pengguna membeli terus tanpa kredit</i>	<i>-diberi kemudahan kredit kepada pemborong</i>
<i>-mengalakkan pengguna membeli dengan banyak</i>	<i>-diskaun mengikut hari</i>
<i>-diskaun diberi mengikut harga barangan</i>	<i>-mempercepatkan pemborong membayar hutang</i>

Kumpulan Rendah

Pada umumnya prestasi calon adalah lemah dan tidak memuaskan. Kebanyakan calon hanya dapat menguasai soal-an berbentuk pengetahuan asas tetapi tidak dapat mengingat fakta dan memahami konsep. Calon cuba menjawab empat soal-an tetapi kebanyakannya hanya mampu menjawab satu cerai-an soal-an sahaja. Terdapat calon yang menyalin semula soal-an sebagai jawapan.

Mutu jawapan calon adalah tidak memuaskan iaitu calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik dan kerap kali salah konsep, tidak mematuhi arahan dan kehendak soal-an, fakta atau isi yang diberikan tidak berasas, jawapan yang ringkas tanpa keterangan dan menggunakan laras bahasa yang sukar difahami, berbelit-belit, berulang-ulang dan kabur.

Petikan-petikan berikut adalah jawapan calon dari beberapa soalan dalam kumpulan ini:

Soalan 3(a)

Contoh 1

Tiga cara yang perlu Encik Halim lakukan untuk mengatasi halangan tersebut:-

- perlu mencari rakan kongsi tempatan di Australia
- mendapat kelulusan dan melabelkan maklumat pemakanan daging.
- Memohon bantuan dari negara asal.
- Menukarkan keluaran seperti memasarkan makanan ringan dan minuman.

Contoh 2

kegunaan pemeriksa	No. soalan: 3	kegunaan pemeriksa
(a)	• (menghubung atau mencari rakan kongsi yang disuruhkan) ^{H1} • melabel maklumat pemakanan produk daging lembu semasa eksport ke Australia.	✓
	• (mendapat kelulusan daripada Lembaga Kawalan Kuantiti Daging Australia.) ^{H2} • mematuhi nasihat yang diberikan oleh MATRADE ataupun pihak berkuasa. ^{TK}	✓
	bertutup ✓	2

Soalan 6(d)

Pendapat saya ialah menawarkan internit.

- membuat pameran di internit untuk melancong di Resort D' Patin dan memberi keselesaan.

PRESTASI TERPERINCI

SOALAN 1

Kekuatan calon

Calon dapat mengemukakan fakta dengan tepat tentang sumbangan usahawan. Huraian disertakan dengan contoh-contoh bersesuaian. Ramai calon dapat menjawab dengan baik.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1(a)

Contoh 1

Sumbangan usahawan kepada negara ialah:

- mewujudkan peluang pekerjaan
- usahawan sanggup menghadapi risiko yang tidak kepastian
- usahawan sumbang input faktor-faktor pengeluaran dalam output
- ganjaran kepada usahawan ialah untung
- meningkat imej negara di peringkat antarabangsa
- mengembangkan ekonomi negara
- usahawan mempunyai kecekapan, kebolehan, bijak pengurusan dalam pengeluaran.

Contoh 2

a)	Sumbangan - sumbangan usahawan kepada negara adalah meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Usahawan terlibat dalam pembangunan negara dengan mencipta barang baru dan berusaha dengan negara luar. Selain itu, usahawan juga memberi peluang pekerjaan dalam masyarakat. Penduduk tempatan yang pengetahuan rendah dapat bekerja dan negara kita juga kurang penduduk hidup dalam miskin. Seterusnya, usahawan juga memberi sumbangan dalam memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Usahawan berusaha mencipta hasil baru untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam masyarakatnya.
----	---

Soalan 1 (b)

Contoh 1

Pengkhurusan dalam pernyataan I ialah:

- pengkhurusan mengikut proses
- kilang kasut menggunakan mesin secara intensif untuk urutan proses dengan cepat dan mudah.

Pengkhurusan dalam pernyataan II ialah;

- pengkhurusan mengikut pekerjaan atau profession
- pengkhurusan mengikut profesion adalah urutan secara turun temurun. Pekerjaan ini berbeza dari segi akademik. Individu perlu memenuhi cita-cita kehendaknya.

Pengkhususan dalam pernyataan III ialah:

- pengkhususan mengikut kawasan
- pengkhususan sumber iklim dan tanah berbeza di negeri Kedah dengan negeri Kelantan.

Contoh 2

b	Jenis pengkhususan.
•	Jenis pengkhususan dalam pernyataan I ialah pengkhususan mengikut proses. iaitu Pengkhususan ini dilakukan disesebuah tempat di dalam kilang dengan melakukan sesuatu pembahagian kerja yang sama contohnya kilang tayar hanya hanya membuat tayar sahaja.
•	Jenis pengkhususan dalam pernyataan II ialah pengkhususan mengikut profession. pengkhususan ini seses seseorang melakukan sesuatu kerja mengikut kebolehan dan kepakaran bidang yang diambil. contohnya, doktor dan jurutera.
■	Jenis pengkhususan dalam pernyataan III ialah pengkhususan mengikut kawasan. Setiap negera mempunyai negara dan negeri mempunyai ^{dan} iklim, tanah-tanah yang berbeza untuk menghasilkan sesuatu keluaran. contohnya Negara kedah kaya dengan padi.

Soalan 1(c)

Pada pendapat saya, alang tidak dapat menukarkan ayamnya dengan ikan. Ini disebabkan wujudnya masalah kemahuan serentak. Masalah kesukaran menilai barang yang hendak ditukar. Contohnya, berapakah ikan yang perlu untuk ditukarkan dengan peha ayam.

Soalan 1(d)

Contoh 1

Salah satu jenis bantuan perniagaan ialah pengangkutan. Pengangkutan dapat membantu peniaga meluaskan pasaran. Pengangkutan dapat mengagihkan barangan ke merata tempat untuk dijual kepada pengguna.

Selain itu, perbankan turut membantu peniaga dalam urusan perniagaannya. Bank menawarkan pelbagai jenis pembiayaan seperti pinjaman dan overdraf bank. Bank juga memberi kemudahan cek.

Bantuan perniagaan seterusnya ialah pergudangan. Pergudangan membantu peniaga membekalkan barang secara berterusan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Pergudangan juga dapat menstabilkan harga di pasaran.

Contoh 2

d) Perbankan dalam bantuan perniagaan perlu diambil oleh peniaga untuk melancarkan perniagaannya. Perbankan dapat membantu peniaga menerima wang, menjelaskan hutang dan menyimpan wang perniagaan. Selain itu, bank juga memberi perkhidmatan pinjaman untuk membantu peniaga mengurus perniagaan dengan besar.

Selain itu, peniaga juga perlu insurans untuk melancarkan perniagaannya. Insurans dapat melindungi peniaga mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh peniaga. Insurans seperti insurans kemalangan, insurans motor untuk ~~melindungi~~ melindungi peniaga mengurangkan kerugian atas harta benda perniagaan yang besar.

Akhirnya, pengangkutan dalam bantuan perniagaan juga membantu peniaga melancarkan perniagaan. Peranan pengangkutan adalah menghantar barang dari sesuatu tempat ke tempat yang memerlukan. Pengangkutan darat, pengangkutan udara dan pengangkutan laut membantu peniaga menghantar barang dalam masa yang singkat dan selamat.

Kelemahan calon

Kebanyakan calon mengulang-ulang fakta yang seakan-akan sama. Calon tidak memberi huraian yang lengkap bagi setiap fakta yang diberikan. Calon juga hanya mampu menjawab sebahagian ceraiian soalan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 1(a)

3 sumbangan usahawan.

- 1. Memajukan negara*
- 2. membantu masyarakat*

Soalan 1(b)

Jenis pengkhususan dalam pernyataan I, II, III ialah:

- I - Pengkhususan perkilangan. Mengeluarkan bahan mentah, barang separuh siap dan barang siap untuk dipasarkan.*
- II - Pengkhususan profesion. Membantu kehidupan setiap manusia dan menjadi buruh yang mahir.*
- III - Pengkhususan iklim sesuatu tempat mempengaruhi setiap kawasan.*

Soalan 1(c)

Pada pendapat saya Alang tidak dapat menukarkan ayamnya dengan ikan kerana:

- Masalah kemahuan serentak*
- Barang tidak tahan lama*
- Barang mudah rosak*
- Tiada ukuran nilai*
- Tidak penyimpanan dan pemunggahan*
- Tidak mempunyai saiz dan ukuran*

Soalan 1(d)

Bantuan perniagaan yang diperlukan oleh peniaga untuk melancarkan aktiviti perniagaannya ialah:

- Komunikasi
dapat meluaskan pasaran.*
- Pegangkutan
Mudah melakukan penghantaran*
- Promosi
Dapat menyebarkan maklumat tentang perniagaannya.*

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon tidak memahami kehendak soalan. Bagi cerai 1a, calon tidak mengaitkan sumbangan usahawan dengan keperluan negara. Bagi cerai 1b, calon tidak dapat memahami jenis pengkhususan yang berlaku. Bagi cerai 1c, calon menjawab pertukaran boleh berlaku, sedangkan dalam situasi yang diberi, pertukaran tidak boleh berlaku. Bagi cerai 1d, ada calon yang menjawab faktor pengeluaran sebagai bantuan perniagaan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Soalan 1(c)

Ya, kerana permintaan yang sama wujud pada diri Alang dan Damak. Pertukaran ayam dan ikan adalah tanpa menggunakan wang dan mudah mendapat permintaan yang serupa dikalangan Alang dan Damak.

Soalan 1(d)

Tiga bantuan perniagaan yang diperlukan oleh peniaga ialah pengangkutan. Ini penting kerana untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan untuk memastikan keselamatan barang.

SOALAN 2

Kekuatan calon

Secara amnya calon dapat menjawab soalan 2a dan 2c. Bagi soalan 2a, calon dapat menyenarai dan menerangkan fungsi perniagaan runcit dengan jelas. Bagi soalan 2c, calon dapat menganalisis dokumen yang dikemukakan dan menjawab dengan tepat.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 2(a)

Contoh 1

Tiga fungsi perniagaan runcit dalam saluran agihan ialah:

- *menjual pelbagai jenis barang, iaitu menjual pelbagai jenis barang untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna*
- *menjual dalam kuantiti yang diperlukan iaitu memecahkan pukal barang ke dalam kuantiti yang kecil untuk memudahkan pengguna membeli barang dalam kuantiti yang dikehendakinya.*
- *Membina rangkaian kedai berhampiran rumah pelanggan iaitu memudahkan pelanggan untuk mendapatkan keperluan harian dengan segera.*
- *Memperagakan stok iaitu menyusun atur stor di atas rak-rak untuk memudahkan pelanggan memilih barang.*

Contoh 2

a) Fungsi perniagaan runcit dalam saluran agihan ialah menyediakan pelbagai barang kepada pengguna terakhir. Dengan ini, pengguna boleh membuat pilihan terhadap barang yang hendak dibelinya. Selain itu, perniagaan runcit juga dapat menyediakan barang daripada kuantiti yang besar kepada kuantiti yang kecil. Pengguna boleh membuat pilihan terhadap berapa banyak barang yang perlu dibeli. Disamping itu, perniagaan runcit menyediakan ~~lay perkhidmatan~~ perkhidmatan selepas jualan. Pelanggan akan mendapat perkhidmatan secara peruncit ~~sep selepas jualan~~ seperti menghantar barang, pemasangan dan sebagainya atau dengan kadar bayaran yang minimum.

Soalan 2(c)(i)

Kesilapannya ialah jumlah yang salah dan dokumen untuk membetulkannya ialah dokumen nota debit.

Soalan 2(c)(ii)

Contoh 1

$$\begin{aligned} \text{RM } 3000.00 \times 3 &= \text{RM } 9000.00 \\ \text{Tolak diskaun niaga } 10\% &= \text{RM } 900.00 \\ &= \text{RM } 8100.00 \\ \text{Tolak Diskaun tunai } 2\% &= \text{RM } 162.00 \\ &= \text{RM } 7938.00 \end{aligned}$$

Contoh 2

Jumlah harga yang dijelaskan jika Syarikat Fariz membuat pembayaran pada 12 Mac 2008 ialah:

$$\begin{aligned} 3 \text{ unit TV plasma} &= \text{RM } 9000.00 \\ &= \text{RM } 9000.00 \times 10\% \\ &= \text{RM } 900.00 \\ &= \text{RM } 9000.00 - \text{RM } 900.00 = \text{RM } 8100.00 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Syarikat Fariz membuat pembayaran dalam masa } 10 \text{ hari,} \\ &= \text{RM } 8100.00 \times 2\% \\ &= \text{RM } 162.00 \\ &= \text{RM } 8100.00 - \text{RM } 162.00 \\ &= \text{RM } 7938.00 \end{aligned}$$

Contoh 3

ii.	$3 \text{ unit} \times \text{RM} 3000 = \text{RM} 9000$
	$\text{Diskaun niaga } 10\% = \text{RM} 9000 \times 10\%$
	$= \text{RM} 900$
	$= \text{RM} 9000 - \text{RM} 900$
	$= \text{RM} 8100$
	$\text{Diskaun } 2\% = \text{RM} 8100 \times 2\%$
	$= \text{RM} 162$
	$\text{RM} 8100 - \text{RM} 162$
	$\text{Jumlah} = \text{RM} 7938$

Kelemahan calon

Calon tidak dapat menjawab soalan 2b dengan betul. Calon keliru sama ada menjawab dari segi peranan risalah yang digunakan atau kaedah jualan yang diamalkan. Bagi soalan 2cii, terdapat calon yang tidak mampu menghitung jumlah bayaran yang perlu dijelaskan dengan tepat.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 2(b)(i)

- dapat menunjukkan barang atau perabot.
- menerangkan bayaran bulanan rendah.
- Menarik perhatian Syarikat Maju dan pelanggannya.

Soalan 2(b)(ii)

Contoh 1

- mengetahui cara bayaran
- melihat barang yang dipromosikan
- meningkatkan jualan.

Contoh 2

b) i)	Kelebihan jualan dalam risalah tersebut kepada syarikat pembuat Rio ialah penjelasan jualan hebat bagi menarik perhatian pelanggan. Ia orang ramai supaya membelinya dan dapat memberi keuntungan kepada syarikat pembuat Rio. Ia juga menerangkan bayaran bulanan adalah rendah dan bayaran nya murah ini bagi menarik minat pelanggan. Dan dapat memberi kesan yang cepat dalam perniagaan bagi mengeluarkan sesuatu produk.
ii)	Syarikat maju pula boleh membeli barangan daripada syarikat pembuat Rio kerana bayaran bulanan adalah rendah dan bayaran nya juga mudah. Syarikat maju juga boleh membeli secara pukal dan menjualnya semula dengan harga yang lebih.

Soalan 2(c)(ii)

ii)	Harga yang perlu dijelaskan setelah pembelian syarikat Fariz harus membuat pembayaran bagi seunit ialah 3000.00 dan 3 unit ialah 9000.00 setelah Ditolak diskaun niaga 10% Syarikat Fariz harus membuat pembayaran sebanyak 8100.00 8400.00.
-----	---

Kesilapan yang seringkali ditemui

Bagi soalan 2a, calon tidak dapat mengemukakan peranan peruncit dengan tepat. Manakala bagi soalan 2b, penjelasan calon tidak menepati kehendak soalan kerana menerangkan kelebihan risalah. Bagi soalan 2cii, calon tidak membuat penghitungan mengikut urutan yang betul. Bagi soalan 2ciii, calon mencampur-adukkan penjelasan diskaun niaga dan diskaun tunai.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 2(a)

Fungsi perniagaan runcit dalam saluran agihan:

- memecahkan pukal – membeli barang secara pukal daripada pemborong.
- Memberi kemudahan kredit – memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membayar secara hutang, bagi pelanggan yang setia.
- Memberi khidmat layan diri – dapat memberi pelanggan membuat pilihan mereka sendiri.

Soalan 2(b)(i)

Kelebihan jualan dalam risalah tersebut kepada Syarikat Perabot Ria ialah:

- menggunakan kaedah promosi untuk memajukan perniagaan.
- Menggunakan gambar yang menarik.
- Mengenakan bayaran bulanan rendah
- Memberi alamat bagi mengetahui premis perniagaan mereka terletak dimana.

Soalan 2(b)(ii)

Kelebihan jualan dalam risalah tersebut kepada Syarikat Maju ialah:

- Dapat mengetahui promosi yang dibuat oleh Syarikat Perabot Ria.
- Dapat mengetahui kedudukan premis Syarikat Perabot Ria.
- Dapat membandingkan kelebihan yang diberi oleh Syarikat Perabot Ria dengan perniagaan lain.

Soalan 2(c)(i)

Dokumen yang perlu digunakan untuk membetulkan kesilapan berkenaan ialah nota kredit iaitu Syarikat Fariz perlu mengeluarkan duit dari akaunnya.

Soalan 2(c)(ii)

(ii) 3 unit Tv Plasma = RM 9000.00	
(-) diskaun Tunai = RM 900.00	
RM 8100.00	
(-) diskaun niaga sebanyak 2%.	
= RM 8100.00 x 2%	
= RM 8100 - RM 126	
= RM 7974	

SOALAN 3

Kekuatan calon

Bagi soalan 3a dan 3b, calon dapat mengemukakan fakta yang relevan dengan kehendak soalan. Bagi soalan 3c, calon dapat menghuraikan kaitan Industri Kecil dan Sederhana dengan Industri Berat seperti kehendak soalan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 3(a)

a. Antara tiga cara yang perlu Encik Halim lakukan untuk mengatasi halangan tersebut ialah dengan mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Kawalan Kualiti Daging Australia dengan cara meminta bantuan daripada kedutaan Malaysia di negara ~~tersebut~~ tersebut, iaitu dengan meminta penerangan daripada kerajaan. Encik Halim perlu mencari rakan kongsi untuk memudahkan perniagaannya di negara tersebut dengan menjalinkan hubungan diplomatik. Meletakkan maklumat pematanan produk tersebut.

Soalan 3(b)(i),(ii)

Inden tertutup

Inden ini menyatakan nama pengeluar yang ditetapkan. Pengimport perlu membeli barang yang ditetapkan oleh pembeli. Pengimport tidak dibenarkan membeli daripada pengeluar lain.

Soalan 3(b)(iii)

Contoh 1

Lima prosedur eksport yang perlu. Puan Melia patuhi ialah mendapatkan izin daripada kerajaan. Selepas kerajaan mengizinkan, Puan Melia harus menyediakan pesanan Encik Brown itu. Selepas itu, Puan Melia harus memaklumkan kepada prosedur kastam dan mengisi borang kastam. Selepas itu, Puan Melia harus menggregdkan, melabelkan barang tersebut. Dan memuatkan pesanan tersebut ke dalam kapal. Dan akhir sekali, Puan Melia menghantar barang yang menyatakan harga pasaran tersebut.

Contoh 2

		<u>2</u>
(b)	(ii) ^{tertutup} terbuka inden	1
	(iii) pengimport memberi kebebasan ^{memilih} kepada ^{eksport} perkilangan ^{HT} yang tertentu ^{untuk memilih}	1
	mana-mana sah ^{70c.} perkilangan untuk mengeluarkan barang yang diminta.	<u>2</u>
(iii)	1 menerima inden	
	Setelah menerima inden, Puan Melia harus ^{mengeluarkan barang dengan} mematuhi syarat ^{HT} dan kuantiti ^{yang} diminta oleh pengimport	1
	2 menghantarkan invois	
	Apabila barang disiapkan, Puan Melia perlu menghantar invois kepada pengimport untuk memberi peringatan kepadanya.	
	(3) <u>membubungi syarikat pengangkutan</u>	
	• Untuk mengeksport ke luar negara, Puan Melia mesti memohon ^{HT} (bil muatan) daripada Syarikat pengangkutan	1
	(4) ^{HT} <u>mempediakan dokumen</u>	1
	• Contohnya sijil asal ⁴ usul dan sebagainya.	
	(5) <u>membayar cukai</u>	
	(menjelaskan cukai eksport kepada pihak ^{HT} Kastam)	1
		<u>4</u>

Soalan 3(c)

Pengaturan kontrak khas. Iaitu kontrak ini dilakukan antara IKS dan firma besar. Kontrak ini merupakan perjanjian untuk mendapatkan hasil barangan yang dikeluarkan oleh IKS. Kepada firma besar. Contohnya barangan yang dikeluarkan ialah alat ganti, komponen, bateri, tayar dan sebagainya. Kontrak ini dilakukan untuk membantu IKS meluaskan pasarannya,

Sub kontrak ialah perjanjian di antara IKS dan industri berat. Industri berat akan membantu IKS dengan memberikan jaminan kepada IKS dan mengeluarkan modal. IKS membuat alat ganti dan komponen yang berkualiti seperti tayar, bateri, kusyen dan lain-lain IKS bertanggungjawab mengeluarkan alat ganti dan komponen untuk industri berat. Contohnya Proton.

Kelemahan calon

Bagi soalan 3a, calon tidak dapat menganalisis situasi yang dikemukakan dalam soalan. Oleh itu calon tidak dapat menerangkan cara penyelesaian yang dikehendaki. Jawapan calon juga ringkas serta kurang contoh yang bersesuaian. Bagi soalan 3b, calon tidak dapat memahami situasi yang diberi dalam soalan. Maka calon tidak dapat menjawab soalan 3bi dan 3bii dengan tepat. Manakala bagi soalan 3biii pula, calon tidak dapat menyenaraikan prosedur mengeksport seperti yang dikehendaki.

Petikan jawapan adalah seperti berikut.

Soalan 3(a)

- *menghubungi atau mencari rakan kongsi yang disuruhkan.*
- *Melabel maklumat pemakanan produk daging lembu semasa eksport ke Australia.*
- *Mendapat kelulusan daripada Lembaga Kawalan Kuantiti Daging Australia.*
- *Mematuhi nasihat yang diberikan oleh MATRADE ataupun pihak berkuasa.*

Soalan 3(b)

b)	i) Inden pesanan
	ii) Inden pesanan salah jenis inden yang dihantar oleh pemesan kepada penerima.
	iii) Lima prosedur eksport
	-> Puan Melia perlu mengambil bil muatan daripada nakoda perkapalan.
	-> Setelah dapat persetujuan daripada nakoda, Puan Melia perlu memasukkan bunga-bunga itu di atas kapal.
	-> Setelah semuanya selesai, kapal itu akan menghantar bunga tersebut di pelabuhan Finland.
	-> Eric Brown perlu Kerja pemunggaan dilakukan
	-> Eric Brown perlu melihat bunga-bunga tersebut sama ada mengalami kerosakan atau tidak.

Kesilapan yang sering kali ditemui

Bagi soalan 3a dan 3b, huraian dan fakta yang dikemukakan tidak berkaitan dengan petikan yang diberi. Calon tidak menggunakan situasi dalam petikan. Calon keliru dengan jenis inden yang digunakan. Bagi soalan 3b, calon tidak mengasingkan jawapan mengikut cerai soal.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 3(a)

Menyediakan ejen

- untuk mengatasi halangan ini
- beliau boleh menghantar ejen untuk mengetahui Lembaga Kawalan Kualiti Daging Australia.

Mematuhi undang-undang

- beliau perlu mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Kawalan Kualiti Daging Australia.

Mengetahui bahasa Australia

- untuk menyelesaikan masalah melabel maklumat pemakanan dengan Bahasa Australia.

Soalan 3(b)

Meminta ejen untuk memilih perkilangan yang tertentu.

Pengimport memberi kebebasan kepada ejen atau pengeluar untuk memilih mana-mana satu perkilangan untuk mengeluarkan barang yang diminta.

SOALAN 4

Kekuatan calon

Bagi soalan 4a, calon dapat menerangkan bentuk pulangan bagi setiap pelabur dengan betul. Bagi soalan 4b pula, calon berjaya menjawab dengan betul kemudahan pembayaran yang sesuai digunakan dalam situasi yang diberi. Begitu juga bagi soalan 4c, calon dapat menjelaskan pihak yang terlibat dalam urusanniaga sekeping cek serta berjaya mengemukakan alasan kenapa cek berkenaan tidak diterima oleh pihak bank.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Soalan 4(a)

- (i) Pulangan yang diterima oleh Pelabur A ialah pendapatan semasa iaitu dalam bentuk penerimaan wang daripada sewaan rumah. Juga keuntungan modal berpunca daripada kenaikan nilai harga rumah di masa akan datang.*
- (ii) Pulangan yang akan diterima oleh Pelabur B ialah dividen iaitu pemegang syer akan diberi dividen setiap tahun bergantung kepada keuntungan syarikat. Selain itu, syer bonus iaitu jumlah syer tambahan percuma yang diberikan kepada pemegang saham. Pelabur B juga memperolehi pulangan jika harga syer dijual apabila harga meningkat.*

Soalan 4(b)

Kemudahan pembayaran yang pertama ialah arahan tetap. Arahan tetap digunakan untuk membuat pembayaran tetap dan secara berulang mengikut tarikh yang ditetapkan.

Kemudahan pembayaran kedua ialah perbankan elektronik kerana ianya boleh dilakukan melalui internet. Pembayaran lebih cepat dan mudah kerana kerana terus ke dalam akaun penerima.

Soalan 4(c)

- (i) Antara pihak yang terlibat dalam cek tersebut ialah penyuruhbayar iaitu Zabedah. Selain itu, pihak pesuruhbayar ataupun dikenali sebagai bank iaitu Bank Perkasa Berhad. Di samping itu, pihak penerima cek itu ialah Suharti binti Ali yang menerima RM750.00 sahaja*
- (ii) Neon Bank Berhad, Batu Pahat, Johor enggan menerima cek tersebut kerana berpaling dan hanya Neon Bank Berhad, Muar sahaja yang boleh terima. Di samping itu, cek tidak boleh ditunaikan di kaunter bank tetapi perlu dimasukkan ke dalam akaun penerima sahaja.*

Kelemahan calon

Calon tidak memahami kehendak soalan 4a ii iaitu bentuk pulangan yang diberi kepada pemegang saham. Bagi soalan 4b pula, calon tidak tahu kemudahan pembayaran yang sesuai digunakan dalam situasi yang diberi. Bagi soalan 4c ii pula, calon tidak mengenali status cek yang dipaparkan dan mereka tidak dapat memberi alasan yang tepat kenapa cek berkenaan tidak diterima oleh bank.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 4(a)

Contoh 1

- (i) Pelabur A akan menjualkan sebuah rumahnya pada harga tinggi dengan mendatangkan keuntungan. Ini dikenali sebagai keuntungan modal. Selain itu, Pelabur A boleh memberi sewa kepada orang lain.*
- (ii) Pelabur B akan memperoleh pulangan dalam bentuk dividen kerana syarikat tersebut mendapat keuntungan yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang syer.*

Contoh 2

(a)	(i) Pelabur A akan mendapat pulangan pelabur hartanah kerana pelabur tersebut telah membeli tiga buah rumah dan boleh mendapatkan faedah dari pelaburan tersebut. Pulangan yang dikehendak juga melalui sewa iaitu dengan melaburkan wangnya melalui hartanah.
	(ii) Pelabur B pula telah mendapat pulangan melalui faedah dan terbitan gajimat syer dengan membeli syer syarikat yang disenarai. Pulangan tersebut akan memberikan faedah yang lebih kepada pelabur dan melalui syer tersebut pulangan yang dijamin kerana pelaburan pelaburan tersebut melalui pelaburan penempatan antara syarikat lain.

Soalan 4(b)

Contoh 1

Kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank ialah cek. Cek adalah sejenis pembayaran yang senang digunakan dan mudah diproses. Selain itu, kemudahan pembayaran lain ialah melalui ATM. Kaedah ini sangat popular kerana kaedah ini menjimatkan masa tanpa perlu pergi ke bank. Kemudahan lain pembayaran ialah pembayaran melalui internet. Peminjam hanya perlu melayari laman web bank tersebut dan membuat pembayaran.

Contoh 2

(b)	kemudahan pembayaran yang sesuai ialah kemudahan pembayaran melalui overdraf dimana overdraf tersebut mudah diuruskan dan oleh pihak bank dan tidak perlu memerlukan dokumen-dokumen lain dan bersesuaian kerana kem dengan penggunaannya tanpa memerlukan akaun simpanan. Selain juga boleh membayar di bank dengan cara pindah kredit kepada pihak bank tanpa melibatkan cara-cara penggunaannya yang rumit dan kecek. Potongan wajib juga boleh dilakukan di bank perdagangan.
-----	---

Soalan 4(c)

Contoh 1

- (i) Tiga pihak yang terlibat dalam cek tersebut ialah Bank Perkasa Berhad, Suharti Ali, dan Zabedah.

Contoh 2

e) i. Tiga pihak yang terlibat dalam cek tersebut adalah Bank Perkasa Berhad, Jalan Hang Jebat, Melaka, Suharti binti Ali dan Neon Bank Berhad, Muar, Johor.

Bank Perkasa Berhad terlibat kerana orang itu membayar wang dengan menggunakan cek daripada Bank Perkasa Berhad.

Suharti binti Ali merupakan pihak yang menerima wang. Orang itu membayar wang kepada Suharti binti Ali.

Neon Bank Berhad, Muar, Johor terlibat kerana Suharti binti Ali perlu menunaikan wang di Neon Bank Berhad, Muar, Johor sahaja tidak boleh di tempat lain.

Contoh 1

- (ii) Neon Bank Berhad, Batu pahat, Johor enggan menerima cek tersebut kerana telah tamat tempoh, cek tersebut tiada tandatangan penerima dan hanya boleh ditunaikan di Neon Bank Berhad, Muar, Johor sahaja.

Contoh 2

(ii) Neon Bank Berhad, Batu pahat, Johor enggan menerima cek itu kerana tempoh cek tersebut ialah cek mati. Cek mati ialah cek yang tempohnya telah tamat dan tempoh masa sudah tamat. Selain itu cek itu tempohnya adalah cek tertunda. Partu cek yang tertunda ditunda dan tidak boleh mengeskan cek itu selagi Abn tarikh tersebut.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Bagi soalan 4a, calon mengaitkan pulangan dengan untung sahaja tetapi tidak menggunakan istilah yang tepat bagi setiap jenis pulangan yang diterima. Calon juga menyatakan faedah dan bunga bagi merujuk kepada dividen saham. Bagi soalan 4b, calon tidak mengetahui jenis perkhidmatan yang sesuai digunakan dalam situasi yang diberi. Calon masih menggunakan istilah perintah sedia ada bagi jawapan arahan tetap.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 4(a)

- (i) Pelabur A akan menikmati pulangan dalam bentuk dividen. Hal ini disebabkan Pelabur A melabur dalam pelabur saham harta tanah. Pelabur A mempunyai risiko pelaburan.*
- (ii) Pelabur B akan mendapat pulangan dalam bentuk faedah. Pelaburan yang dimainkan oleh Pelabur B adalah selamat dan tidak berrisiko. Pelaburan Bursa saham adalah dijamin oleh kerajaan.*

Soalan 4(b)

Dua jenis kemudahan pembayaran yang sesuai digunakan oleh Sofiah adalah menggunakan cek. Seterusnya Sofiah boleh menggunakan kad kredit untuk membayar demikian.

SOALAN 5

Kekuatan calon

Bagi soalan 5a, calon dapat memberi kelebihan pengangkutan laut dengan betul. Bagi soalan 5c, 5d, dan 5e, calon berupaya membuat keputusan, memberi hujah dan alasan yang tepat terhadap situasi yang diberikan. Secara keseluruhan calon masih berupaya menjawab dengan cemerlang.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 5(a)

a	3 kelebihan pengangkutan laut berbanding pengangkutan udara adalah
i)	Selamat luas ruang ruang yang luas
	- ruang muatan pengangkutan laut lebih luas dan boleh membawa barang dalam kuantiti yang banyak
ii)	Tambang Murah
	- Oleh kerana laut adalah anugerah tuhan, ia mempunyai risiko yang rendah dan selamat maka tambangnya murah
iii)	Penyelenggaraan
	- Pengangkutan laut ia tidak memerlukan penyelenggaraan yang berulang kali dan risiko barang untuk rosak adalah sedikit

Soalan 5(c)

Jenis media – media bercetak risalah

Faktor pemilihan media

- kos pengiklanan yang rendah berbanding media lain.
- Dapat diedarkan terus kepada golongan sasaran tanpa sebarang halangan
- Pemilihan media bersesuaian dengan saiz perniagaan yang sederhana
- Tujuan pengiklanan yang sesuai digunakan dengan jenis media pengiklanan yang ingin memperkenalkan perkhidmatan baru kepada pengguna.
- Jenis perkhidmatan yang baru ditawarkan kepada pengguna
- Luas perniagaan yang terhad dan diutamakan kepada penduduk sekitar premis perniagaan.

Soalan 5(d)

Hak yang boleh dituntut oleh puan Faridah ialah hak untuk mendapat ganti rugi dan hak untuk bersuara. Hak untuk mendapat ganti rugi membolehkan dia mendapatkan sardin yang baru dan hak untuk bersuara membolehkan pihak yang berkuasa mengambil tindakan terhadap pengusaha.

Soalan 5(e)

Contoh 1

Pendapat amalan perniagaan diamalkan beretika atau tidak – perniagaan mengamalkan amalan perniagaan yang tidak beretika.

Alasan

- memberi maklumat palsu kepada pengguna seperti memberitahu corak kain yang dijual baru sedangkan corak tersebut sudah lama dikeluarkan.
- Menaikkan harga barang dengan mendadak dan mahal. Contoh – harga barang meningkat dua kali ganda dalam tempoh sebulan.
- Peniaga menjalankan aktiviti promosi yang mengelirukan.

Contoh 2

(e)	(i) Tidak beretika beretika.
	(ii) Perniagaan oleh petedai tersebut tidak beretika kerana petedai tersebut sesuka hatinya ia menaikkan harga kain tersebut dan harga yang dikenakan tidak berpatutan iaitu secara berlipat ganda. Corak kainnya juga adalah sama dan tiada pembaharuan. Ini mem menyebabkan pembeli ketiru de untuk membeli barangan kain tersebut. Untuk melariskan perniagaannya juga, kedai tersebut mengadakan promosi iaitu beli satu percuma satu bagi menarik minat pembeli dan hanya mengaut keuntungan semata-mata dan cara tersebut juga tidak beretika dan menyebabkan cara pengamalkan pengamalannya/ tidak beretika kerana menjual barangan lama dan tidak lagi berkualiti.

Kelemahan calon

Calon tidak memberi huraian yang lengkap bagi setiap fakta yang dikemukakan terutamanya bagi soalan 5a. Bagi soalan 5b, ramai calon tidak mampu untuk menjawab, manakala bagi soalan 5cii, calon kurang mengemukakan hujah yang mencukupi bagi alasan pemilihan media risalah. Calon yang menjawab soalan 5d, tidak memberi alasan yang betul.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Soalan 5(a)

- *pengangkutan laut boleh membawa barang yang berat berbanding pengangkutan udara.*
- *Pengangkutan laut lebih jimat kos perbelanjaan berbanding pengangkutan udara.*
- *Pengangkutan laut lebih banyak barang yang boleh dibawa berbanding udara.*

Soalan 5(b)

by	dua orang dalam kumpulan perancangan iklan promosi
	- membuat projekta supaya mengagumkan orang-orang dan diperlihatkan yang dikeluarkan.
	- menganjurkan pertandingan ke luar negara.
	- lomba - iklan
	- media massa
iy	teknologi komunikasi
	- dapat berkomunikasi terus dengan pihak lain di luar negara dengan di dalam negara.
	- menggunakan media massa perancangan
	- aktiviti perancangan dapat dijalankan secara terus

Soalan 5(c)(ii)

DIHA Komputer memilih media berkenaan kerana;

- i. kos percetakan murah.- kos untuk mencetak risalah lebih murah pada masa kini.*
- ii. Pelbagai maklumat dapat dipaparkan dalam satu kertas – merangkumi semua maklumat yang hendak disampaikan.*
- iii. Dapat menyampaikan risalah kepada semua yang tinggal berdekatan dengan orang ramai.*
- iv. Pihak perniagaan dapat menyampaikan sendiri maklumat kepada pengguna*
- v. Dapat meluaskan pasaran barang dan perkhidmatan.*
- vi. Jualan meningkat.*

Soalan 5(d)

Hak yang boleh dituntut dan alasan.

- Hak mendapat pampasan*
- Pembeli diberi barangan yang rosak, busuk, dan tidak bermutu.*
- Pembeli, Puan Faridah ingin melindungi keselamatan dan kesihatannya sebagai pengguna.*
- Pembeli, Puan Faridah ingin menuntut ganti rugi atas kerugian daripada barangan yang rosak yang baru dibelinya dalam jangka masa yang singkat.*

Kesilapan yang seringkali ditemui

Bagi soalan 5a, calon tidak mengemukakan kelebihan pengangkutan laut tetapi mengemukakan kelebihan pengangkutan udara. Bagi soalan 5d dan 5e, calon tidak memberikan alasan yang menepati situasi serta hujah yang tepat. Calon tidak mengaitkan isu dan amalan konsumerisme dengan situasi dalam soalan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Soalan 5(a)

Pengangkutan udara

- mempunyai kos yang tinggi untuk penghantaran barang yang jauh.
- kawasan penyimpanan barang yang terhad
- barang mungkin akan rosak

Soalan 5(d)

Hak yang boleh dituntut oleh Puan Faridah ialah menuntut ganti rugi kerana mengambil barang yang telah luput dan rosak. Puan Faridah sepatutnya lebih peka untuk membeli sesuatu barang supaya tidak mudah diperdaya oleh penjual.

Soalan 5(e)

Pada pendapat saya, amalan perniagaan yang diamalkan oleh pekedai kain tersebut tidak beretika.

- *kerana pihak peniaga haruslah melayan pelanggan mereka dengan lebih baik dan bukannya membiar mereka mencari sesuatu barang dengan sendiri*
- *pihak peniaga juga mestilah menukarkan sesuatu barangan yang lama kepada barangan yang baru supaya pelanggan tidak jemu membeli di situ.*
- *Harga juga memainkan peranan yang penting. Pihak peniaga hendaklah mengadakan harga yang berpatutan supaya pelanggan mampu untuk membelinya.*

BAHAGIAN B

SOALAN 6 [KAJIAN KES]

Pada keseluruhannya, majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bilangan calon yang dapat memberi jawapan yang baik amat kecil. Mutu jawapan amat rendah. Calon hanya menjawab satu atau dua ceriaan soalan. Calon hanya meneka iaitu memberi jawapan yang tiada kaitan dengan tugasan soalan dan juga yang salah konsep. Calon kurang kemahiran dan keupayaan untuk memahami serta mengkaji kandungan teks, apa lagi menjawab berdasarkan kes yang diberikan.

PRESTASI TERPERINCI [berdasarkan item]

Soalan 6(a)

Kekuatan calon

Majoriti calon berjaya memberi dua alasan sahaja iaitu 'lokasi yang strategik' dan 'potensi untuk maju' sebagai jawapan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

6.5) Encik Ali berkecualan untuk melaksanakan
keputusannya ialah

- Encik D' telah berunding dengan Encik Ali
di mana Encik Ali telah berunding dengan Encik D' untuk
menyediakan kepada Encik Ali
- Encik Ali ingin melaksanakan perniagaannya
dengan Encik D' yang mempunyai pengalaman
yang banyak.
- Encik Ali telah berunding dengan Encik D' yang
melainkan melangkaui untuk berkecualan.

Kelemahan calon

Calon tidak dapat memberikan alasan yang tepat.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

(a) Encik Ali telah mengambil insurans tabiti-liabiliti am dan
insurans kebakaran untuk melindungi pelaburannya - selain itu juga
tempat perangnya tersebut yang strategik menyebabkan Encik Ali
berkecualan untuk melaksanakan keputusannya. Untuk meluaskan
perniagaannya juga menyebabkan Encik Ali berkecualan untuk
menentukan keputusan yang diambilnya.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon hanya memberikan ulasan secara umum tentang peranan usahawan kepada masyarakat.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Tiga alasan Encik Ali berkeras untuk melaksanakan keputusannya ialah beliau sebagai seorang usahawan ingin mempelbagaikan perniagaannya. Selain itu, beliau juga ingin memberikan sumbangan sebagai seorang usahawan kepada masyarakat dan negara. Disamping itu, kemahiran dan pengalaman dalam bidang perniagaan baru dapat ditingkatkan. Justeru itu, beliau juga ingin meningkatkan taraf hidup diri dan keluarganya.

Soalan 6(b)

Kekuatan calon

Calon dapat menyatakan sebab-sebab syarikat insurans menolak tuntutan gantirugi Encik Ali. Calon memahami petikan kes.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Contoh 1

Syarikat insurans menolak tuntutan gantirugi Encik Ali kerana masalah doktrin sebab hampiran. Encik Ali perlu tahu bahawa pihak insured hanya akan membayar gantirugi untuk kemalangan yang diinsuranskan sahaja. Encik Ali sepatutnya telah membeli polisi insurans jaminan setia yang mana dapat membayar gantirugi untuk ketidaksetiaan pekerja.

Contoh 2

Syarikat insurans menolak kerana tidak dapat diinsuranskan. Encik Ali mengambil insurans liabiliti am dan insurans kebakaran. Encik Ali tidak mengambil insurans amanah. Tiada kesan rekod kerugian tersebut.

Kelemahan calon

Calon dapat menyatakan sebab-sebab tuntutan gantirugi ditolak tetapi sebaliknya tidak mampu memberikan prinsip insurans yang diguna pakai dalam situasi itu.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

(b)	Syarikat insurans tersebut menolak kerana Encik Ali tidak mengambil polisi insurans iaitu insurans liabiliti majikan dimana iaanya melindungi Encik Ali dari sebarang pecah amanah dan ketidakjujuran pekerjaannya. Insurans yang diambalnya hanyalah insurans kebati liabiliti am dan insurans kebakaran. Ini menyebabkan tuntutan ganti rugi rujuk ditolak kerana polisi yang diambalnya tidak berkenaan dengan tuntutan ganti rugi rujuk.
-----	---

Soalan 6(c)

Kekuatan calon

Calon dapat menyatakan kepentingan penganjuran ASEAN Oriental Food Festival kepada Resort D' Patin dan Negara Malaysia.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

- *Menaikkan taraf semula pusat peranginan tersebut.*
- *Menstabilkan pendapatan pusat peranginan*
- *Memperkenalkan pusat peranginan tersebut kepada pihak luar*
- *Mendapat tarikan pelancong*
- *Mendapat tumpuan rakyat.*

Kelemahan calon

Calon tidak memberikan alasan yang tepat.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

a	3 alasan Encik Ali berkeras untuk melaksanakan keputusannya kerana
i)	Dia menahan merasakan rumah peranginan berkenaan mampu berkembang
ii)	Dia mempunyai modal yang cukup
iii)	Encik Ali mempunyai minat, dan pengetahuan tentang menguruskan rumah peranginan berkenaan.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menjawab secara umum tanpa memberi fokus kepada konsep ilmu perdagangan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut;

Contoh 1

Kepentingan penganjuran ASEAN Oriental Food Festival kepada Resort D Patin ialah untuk menarik pelancong untuk datang ke Resort D patin. Disamping itu, ia menarik pelancong datang ke negara kita dan mengharumkan nama baik negara dan boleh memperkenalkan negara kita ke pelusuk Europah dan Asia.

Soalan 6(d)

Kekuatan calon

Calon memahami kehendak soalan dan dapat menyatakan sistem komunikasi yang bersesuaian. Pengetahuan calon memuaskan dan huraian berlogik.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

Contoh 1

Saya sebagai pegawai pemasaran Resort D Patin akan mencadangkan sistem komunikasi melalui internet kepada Encik Ali.

Melalui internet, Encik Ali dapat membuka laman web sendiri yang mengandungi semua maklumat tentang Resort D Patin dan juga memperagakan perkhidmatan baik di Resort D Patin di laman web tersebut. Dengan ini, pelancong tempatan dan luar negeri serta luar negara dapat memperoleh maklumat dengan penerangan yang jelas tentang Resort D Patin.

Contoh 2

d)	Jenis komunikasi yang sesuai kepada Encik Ali adalah internet atau komputer
(i)	Sistem komunikasi tersebut dapat membantu resort Encik Ali dengan cara
i)	Dapat menempas mempromosikan resort tersebut ke seluruh dunia
ii)	Dapat memudahkan pelancong untuk menempah secara on line
iii)	Dapat menyebarkan maklumat resort tersebut ke seluruh dunia
iv)	Memudahkan Encik Ali menghimpit mengimpati rekod keluar masuk pelanggannya
v)	Membolehkan Encik Ali berkomunikasi dengan pelanggannya di seluruh dunia
vi)	Dapat menarik lebih ramai pelancong asing

Kelemahan calon

Calon memahami kehendak soalan tetapi sebaliknya tidak dapat menjawab dengan baik kerana kurang yakin untuk membuat keputusan. Mereka juga tidak dapat membezakan alatan komunikasi dan kesesuaiannya dengan jenis perkhidmatan yang diberikan dalam petikan. Calon cenderung untuk menggunakan sistem komunikasi yang dinyatakan dalam kes sebagai jawapan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

(d) (i) Sistem komunikasi yang sesuai ialah melalui sistem elektronik yang lain selain dari telefon dan pos contohnya seperti komputer, sistem ^{pengangkutan} pengangkutan yang lancar dan lebih berkualiti lagi.

Kesilapan yang seringkali ditemui.

Calon tersalah tafsir soalan dengan menerangkan sistem komunikasi secara umum tanpa merujuk kepada tugas soalan.

Petikan jawapan adalah seperti berikut:

(ii) Komunikasi dapat membantu Resort D'Patin iaitu dengan memberikan maklumat yang lebih tepat, cepat kepada pengguna sekitarnya berlabu apa-apa kecemasan atau sebagainya. Selain itu juga komunikasi membantu Resort D'Patin mendapatkan maklumat dari mana-mana pihak lain agar pengurusan perniagaannya dapat berjalan dengan lebih lancar lagi. Dan komunikasi itu juga dapat menjalinkan hubungan dengan pihak mana-mana pihak lain sama ada di dalam atau di luar negara.

SARANAN KEPADA CALON

1. Tingkatkan penguasaan konsep – elak daripada memahami sudut-sudut tertentu sahaja – perlu memahami secara keseluruhan.
2. Jawapan hendaklah berfokus pada tajuk dalam sukatan pelajaran dan bukan secara umum.
3. Kenalpasti kehendak / tugas soalan terlebih dahulu sebelum cuba menjawab soalan.
4. Rangkakan jawapan terlebih dahulu – susun atur yang kemas membolehkan gambaran jawapan lebih jelas.
5. Gunakan peruntukkan markah dalam soalan sebagai panduan merangka kepadatan soalan. – bilangan isi yang diperlukan; samada huraian / ilustrasi / contoh diperlukan.

6. Calon perlu tingkatkan kemahiran pemerhatian terhadap amalan perniagaan terkini.
7. Calon perlu membaca dan menguasai semua tajuk kerana soalan merangkumi semua tajuk dalam sukatan. Calon perlu mengingati fakta-fakta penting untuk setiap tajuk.
8. Latihan tubi topikal dan soalan-soalan Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu hendaklah sentiasa dilakukan.
9. Mengguna buku teks sepenuhnya supaya dapat menguasai semua tajuk selari dengan sukatan pelajaran.
10. Tingkatkan kemahiran untuk menjawab soalan-soalan yang menguji kemahiran aplikasi, membuat keputusan dan penilaian yang menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

SARANAN KEPADA GURU

1. Tumpukan kepada latihan menjawab soalan-soalan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
2. Pelajar perlu didedahkan kepada konsep yang tepat dan memastikan pelajar benar-benar memahami konsep-konsep asas perdagangan.
3. Pelajar perlu diasuh untuk memberi jawapan secata teratur : fakta – penerangan – contoh.
4. Memahami objektif sukatan mata pelajaran serta menghayati huraian sukatan mata pelajaran – khasnya hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap bidang pembelajaran.
5. Guru dikehendaki menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal supaya lebih banyak latihan dapat diberikan kepada pelajar.
6. Pelajar dibawa ke dunia perniagaan yang sebenar seperti membuat lawatan untuk pendedahan secara 'hands-on'.
7. Guru perlu membuat latihan simulasi keatas soalan-soalan tahun lepas [SPM] dengan murid-muridnya supaya mereka dapat 'rasa' gaya soalan SPM.
8. Setiap latihan yang disemak hendaklah dijelaskan tentang kekuatan murid sebagai motivasi dan seterusnya kelemahan dan kesilapan perlu dikemukakan sebagai bimbingan / pemulihan.
9. Melaksanakan 'headcount' supaya dapat mengesan prestasi murid. Murid-murid perlu dimaklumkan dengan keadaan sebenar dan sasaran pencapaian yang ditetapkan untuk mereka supaya mereka mempunyai halatuju masing.
10. Kerap membuat reflexi dan penilaian sendiri terhadap pengajaran dan pembelajaran serta membuat post mortem terhadap prestasi murid setiap kali peperiksaan dilakukan.